



organized by
Centre for Malaysian Chinese Studies



in collaboration with
Institute of China Studies University of Malaya

Seminar on Local Government in Malaysia: The Search for New Directions

Dato' Mohamad bin Saib



***Perhubungan Kerajaan Tempatan
dengan Kerajaan Negeri dan
Kerajaan Persekutuan – Siapa Bos?***


22-5-2008

1st Floor, Selangor Chinese Assembly Hall,
No. 1, Jalan Maharajalela, 50150 Kuala Lumpur.

PERHUBUNGAN KERAJAAN TEMPATAN DENGAN KERAJAAN NEGERI DAN KERAJAAN PERSEKUTUAN – SIAPA BOS

PENGENALAN

1. Perkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan membolehkan Perlimen, bagi maksud hanya menentukan persamaan undang-undang dan dasar, membuat undang-undang mengenai Kerajaan Tempatan:-
2. Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan penubuhan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) bagi membentuk dasar Negara untuk menggerak, memaju serta mengawal Kerajaan Tempatan.
3. Butiran 4, Senarai Kedua, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan Kerajaan Tempatan adalah di bawah bidang Kuasa Kerajaan Negeri, kecuali Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya



KUASA DAN TANGGUNGJAWAB

4. Kerajaan Persekutuan telah menggariskan fungsi Pihak Berkuasa Tempatan menjurus kepada 3 aspek utama iaitu :-
 - Penyediaan Perkhidmatan Perbandaran - Akta 171.
 - Sebagai Pihak Berkuasa Perancang Tempatan - Akta 172.
 - Sebagai badan kawal selia dalam perlaksanaan pembinaan sesuatu pemajuan - Akta 133.
5. Kerajaan persekutuan juga melalui agensi-agensi tertentu mengeluarkan dasar dan arahan bagi memastikan pentadbiran pihak Berkuasa Tempatan dilaksanakan dengan baik. MAMPU telah mengeluarkan garis panduan untuk meningkatkan tahap perkhidmatan jabatan-jabatan kerajaan termasuk pihak Berkuasa Tempatan. Kementerian-Kementerian juga ada mengeluarkan dasar, garis panduan dan arahan-arahan tertentu, contohnya :- arahan mengenai memelihara Alam Sekitar.
EPU dan Kementerian Kewangan mengeluarkan arahan dan garis panduan mengenai perbelanjaan dan pembangunan.....
Kerajaan Persekutuan Bos !
6. Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan, bertanggungjawab membentuk dasar untuk menggalak, memaju dan mengawal Kerajaan Tempatan diseluruh Persekutuan. Dan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri hendaklah mengikuti dasar yang dibentuk itu.
7. KPKT, selain menjadi urusetia kepada MNKT juga menyediakan peruntukan untuk diagihkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan. Selain dari

itu, Geran Tahunan Berdasar Kaedah Keseimbangan (GTBKK) juga disalurkan kepada Kerajaan Tempatan.

8. Kerajaan Negeri memastikan supaya semua PBT di bawah kuasanya akan melaksanakan tugas seperti mana yang diarahkan. Kerajaan Negeri juga, di mana perlu, akan menggubal dan melaksanakan undang-undang kecil bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan PBT.
9. Diperingkat PBT, mereka bertanggungjawab untuk menterjemah dasar, undang-undang dan arahan Kerajaan untuk dilaksanakan demi kebaikan penduduk. Oleh itu PBT adalah merupakan cermin kepada dasar Kerajaan kerana kegagalan PBT akan mencerminkan kegagalan Kerajaan Negeri / Persekutuan.
10. Sebagai badan yang mempunyai otonomi kewangan, di mana PBT mempunyai kuasa untuk mendapatkan punca kewangan sendiri selain dari bantuan Kerajaan Negeri / Persekutuan, PBT banyak bergantung kepada kutipan cukai taksiran.
11. PBT perlu memberikan perkhidmatan yang ditetapkan dan diarahkan sebaik mungkin. Kerana kegagalan mereka memberi perkhidmatan terbaik akan menyebabkan rakyat merasa tidak puas hati dan mungkin akan ditonjolkan ketidak puas hati ini 4 tahun sekali.